

25/09/1998

Pemuda cari maklum balas

KUALA LUMPUR, Khamis - Pergerakan Pemuda Umno melancarkan gerakan mendapatkan maklum balas di peringkat akar umbi mengenai masalah yang timbul berikutan pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari Kabinet dan pemecatan keahliannya dalam parti.

Naib Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata pergerakan itu sudah melantik exco tertentu untuk mendapatkan maklum balas di negeri masing-masing dan membuat kajian, bersama-sama Ketua Pemuda Umno negeri.

"Kita memberikan mereka tempoh selama seminggu untuk mendapatkan maklum balas yang kemudian akan dikumpulkan oleh Ketua Penerangan, Datuk Abdul Fatah Iskandar untuk dibentangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) bulan depan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) di ibu pejabat Umno, petang ini. Selain beliau, sidang akhbar itu turut dihadiri pemimpin Pemuda dari semua parti komponen BN.

Mesyuarat khas MT pada Isnin lalu mengakui amat sukar untuk meyakinkan rakyat berhubung dakwaan salah laku seksual membabitkan Anwar.

Anwar dan beberapa penyokongnya kini ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selepas menjejaskan ketenteraman awam di sekitar ibu kota pada Sabtu dan Ahad lalu.

Hishammuddin berkata, Pemuda BN menyatakan sokongan padu yang tidak berbelah bagi kepada kepemimpinan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk terus menerajui negara, dalam menghadapi isu yang melanda negara ketika ini.

Sehubungan itu, katanya, mesyuarat Pemuda BN bersetuju menganjurkan perhimpunan Perdana yang dijangka dihadiri 100,000 pemuda negara.

"Perhimpunan raksasa itu akan membuktikan hanya segelintir Pemuda yang terbabit dalam gerakan reformasi yang digembar-gemburkan (oleh Anwar)," katanya. Difahamkan, perhimpunan itu akan diadakan di Stadium Nasional Bukit Jalil, pada 6 Oktober ini, tertakluk kepada kelulusan polis.

Beliau menegaskan, perhimpunan itu adalah gerakan awal Pemuda BN yang seterusnya akan bertindak memberi penerangan mengenai keadaan sebenar kepada semua anggota komponen.

"Saya menerima maklum balas dalam mesyuarat ini, parti komponen sudahpun menjalankan program mereka sendiri untuk turun ke peringkat akar umbi," katanya.

Pada majlis berasingan, Hishammuddin turut menyerahkan memorandum 'hilang kepercayaan' terhadap ketuanya, Datuk Ahmad Zahid Hamidi kepada Setiausaha Agung parti, Datuk Sabbaruddin Chik.

Sabbaruddin berkata, memorandum itu akan dibawanya ke mesyuarat MT Umno bulan depan untuk dibincangkan.

Kelmarin, mesyuarat Exco Pergerakan Pemuda Umno memutuskan mereka hilang kepercayaan terhadap kepimpinan Ahmad Zahid berikutan keengganannya melepaskan jawatannya sehingga beliau ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Memorandum itu ditandatangani 20 anggota exco berkenaan iaitu Hishammuddin, Mokhzani Mahathir; Datuk Abdul Fatah Iskandar; Abdul Aziz Sheikh Fadzir; Mohd Suparadi Md Noor; Khaled Nordin; Azizan Yaakob; Zein Isma Ismail; Zulkifli Alwi; Nur Jazlan Mohamed; Noordin Md Noor; Abdul Rahin Mohd Said; Soohaimi Abdul Rahman; Abdul Fatah Abdullah; Abdul Wahab

Din; Abdul Azim Mohd Zabidi; Jema Khan Majid; Zaiyadi Awang Noh; Mohd Samlih Juaisin; dan Abdul Kadir Daud.
(END)